




**Seminar:
Peranan Pemuda
Dalam
Pembangunan Negara**

**AMANAT
KETUA
PERGERAKAN PEMUDA
UMNO MALAYSIA**

Seri Morib, Selangor — 25 - 27hb. Julai 1971



masaalah kita raksana —
biar apa pun kita akan terus
gagahi membanteras-nya!

Amanat YAB Dato Haji Harun bin Haji Idris, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di-Seminar anjoran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, pada 25hb. Julai, 1971 di-Seri Morib, Selangor.

Seminar yang di-adakan pada 25hb hingga 27hb Julai ini yang berthemahkan "Peranan Pemuda Dalam Pembangunan Negara" ada-lah satu2-nya usaha Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia untuk mengumpulkan tenaga pemikiran seluruh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dengan satu tujuan ia-itu untuk mengenal lebeh dekat lagi masaalah2 pokok yang di-hadapi oleh negara pada hari ini.

Sistem Ahli Untuk Pengkhususan

Seminar ini di-jangka dapat menepati hakikat sistem ahli yang telah di-ujudkan dalam Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Sistem Ahli ini ia-lah untuk memberi specia-

lization atau pun ka-ahlian kepada tiap2 sa-orang daripada ahli2 Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO di-semua perengkat dan itu-lah sebab-nya maka telah di-jadualkan Seminar ini dapat memupuk lagi pengetahuan dan panduan pada ahli2 supaya ahli2 Jawatankuasa ini dapat memberi sumbangan yang betul2 berkesan dan munafat kepada parti, bangsa dan negara.

Sayugia di-ingat negara kita sekarang semakin meningkat kemajuannya ka-arrah zaman teknologi, zaman pengkhususan dalam bidang2 yang tertentu sesuai dengan perengkat hidup yang tidak lagi berchorakkan perengkat 'subsistance' sahaja bahkan dunia yang kita hadapi, negara yang kita hadapi ada-lah lebeh 'sophisticated', lebeh saling bergantung antara satu lapangan hidup dengan lapangan hidup yang lain, dan telah tiba masa-nya pula kita sebagai ahli2 UMNO dan sebagai Ahli2 Pergerakan Pemuda-nya mula meninjau mutalalamat ka-akhir itu.

Menguasai Masalah2 Pokok

Dalam sistem ka-ahlian atau member sistem Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di-mana telah di-atorkan bagi tiap2 sa-orang daripada Ahli Jawatankuasa itu tugas2-nya yang tertentu, ada-lah atas usaha dan daya tiap2 ahli itu sendiri yang telah di-khususkan lapangan2-nya untok menchari sebanyak bahan, sebanyak panduan dan sebanyak pengetahuan yang hanya berkaitan dengan masa'alah yang di-khususkan kepada-nya. Mithal-nya dalam masalah pelajaran ahli yang berkenaan diperlukan menchari, meminta, menala'ah, merojok bahkan membacha, atau pun menyiasat serba-serbi mengenai masalah pelajaran. Beliau mesti mengenal dasar pelajaran daripada A hingga Z. Kita harapkan, beliau dapat meninjau masalah2 yang di-hadapi untok melaksanakan dasar2 ini supaya dapat kita tuju mutalalamat yang kita chitakan. Dalam usaha beliau itu, beliau

telah pun membuat pengkajian, beliau telah membuat beberapa tegoran serta chadangan. Pendapat2 dan chadangan2 ahli yang berkenaan ini di-bentang dan di-bahathkan dalam Meshuarat Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan daripada pemikiran-nya bersama ahli2 yang lain maka timbul-lah keputusan2 yang Jawatankuasa itu fikirkan patut di-ketengahkan supaya dapat membaiki lagi keadaan dan harapan bangsa dan negara untok masa hadapan. Di-antara perkara2 yang di-tang-gong-jawabkan kepada Ahli2 Jawatankuasa yang lain ia-lah Sokan, Kebudayaan, Ugama, Pertanian, Perikanan, Pelajar2, Per-dagangan dan lain2 lagi. Saya berharap konsep 'specialization' ini akan dapat juga di-amalkan di-perengkat2 negeri, bahagian dan chawangan setakat mana yang di-fikirkan perlu mengikut ke-adaan dan kepentingan negeri dan tempat masing2. Konsep ini ada-lah jua sesuai dengan pendapat Y.A.B. Tun Timbalan Presi-den dalam ucapan penutup-nya kapada Ahli2 Perikatan pada 21hb. Februari, 1971 di-mana ia telah berkata antara lain, "tiap2 wakil ra'ayat hendak-lah memilih sekurang2-nya satu bidang yang khusus untok di-jadikan subjek keahlian-nya."

Masaalah Penganggoran

Sebegitu pula-lah dalam Seminar yang akan di-adakan ini Jawatankuasa telah memutuskan supaya kita menchari penentuan dalam satu tajok yang amat khusus dan saya berharap kita akan mengkaji sa-dalam2-nya, ka-akar umbi, mengenai masaalah yang banyak berkait dengan penganggoran. Bahkan dari segi Pemuda ini-lah masaalah, ini-lah penyelesaian, ini-lah harapan pada masa hadapan mereka dan negara.

Pemuda UMNO berpendapat bahawa sudah tiba masa-nya kita meninjau sa-halus2-nya mengenai masaalah penganggoran serta lapangan2 dan perkara2 yang berkaitan dengan-nya, mithal-

nya kita tidak boleh lari daripada kenyataan alam pada hari ini, bahawa dunia sedang giat berlumba2 ka-arah perindustrian. Maka kita akan binchang "Kesan Kejenteraan (otomasi) di-atas penganggoran."

Dilemma Teknologi

Perindustrian berma'ana lebeh banyak akan ujud otomasi ia-itu penggunaan jentera yang akan pula melibatkan kurang-nya penggunaan tenaga manusia dan kita akan meninjau kesan2 kegunaan jentera ini dan otomasi ka-atas penganggoran sebagai menghadapi satu chabaran yang paling besar dalam pertimbangan antara kemajuan teknologi dan penganggoran. Masa-nya akan tiba apabila kita akan di-hadapkan untok memilih antara ke-cepatan dan kelichinan jentera dengan kemampuan tenaga manusia yang serba terbatas. Soal yang besar yang akan timbul nanti di-mana-kah garis-nya batasan penggunaan jentera dan tenaga manusia dalam membendong penganggoran!

Pertimbangan ini akan kita tinjau dengan sedalam2-nya sama ada dapat kita menchari penyelesaian yang lebeh wajar dalam lapangan2 yang lain, terutama sa-kali memandangkan ekonomi negara kita berasaskan pada industri pertanian yang mana dengan sendiri-nya industri2 pertanian ini ada-lah "labour intensive", ia-itu banyak menggunakan tenaga2 manusia dan mungkin kepada "primary industry" ini, kepada industri2 atau pun perusahaan2 asas ini, yang bergantung kepada pertanian, dapat kita menampong tenaga manusia yang tidak akan di-gunakan lagi dalam "secondary industry" yang akan banyak menghala ka-arah otomasi.

Dan sejajar dengan tajok di-atas lain2 kertas pula yang bertajok, "Dasar ekonomi baru sebagai usaha mengurangkan peng-

anggoran,” dan dua buah tajok lagi yang bukan sedikit merangkumkan masalah penganggoran ia-itu “Pembukaan Tanah sebagai Ranchangan Pembenaan Negara”, dan “Ra’ayat Desa dan Soal2 Hakmilk Tanah dan Pembahagian2 Tanah (Pesaka)” akan juga di-ketengahkan.

Ke-empat2 tajok yang akan di-binchangkan dalam bengkel2 nanti, ia-lah perkara2 yang akan banyak menekankan kepada penganggoran. Kita sedar, ini-lah masalah yang paling besar yang akan di-hadapi oleh negara. Apakah pula peranan kita dalam menghadapi masalah raksaksa ini. Kita memang akui bahawa masalah penganggoran ini ia-lah masalah universal dan tidak ada negara yang tidak menghadapi-nya. Kita juga meng-akui masalah ini bukan mudah dapat di-hapuskan sama sekali tetapi kita berpendapat usaha2 permulaan perlu di-ambil dengan serta merta sebelum masalah ini tidak dapat di-kawal lagi. Ini ia-lah kerana kadar pertambahan penduduk akan terus berupa geometrical, berupa 2, 4, 8, 16, 32 dan seterusnya, sementara kadar pertambahan ekonomi merupakan arithmetical progression ia-itu 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, dan 8 dan seterusnya. Ini seterusnya bermaana kadar perkembangan yang tidak seimbang ini akan terus mengujudkan penganggoran.

Penafsiran Samula Penganggoran

Oleh yang demikian kita saharus-nya memberi penafsiran baru dalam masalah ini, memberi pandangan atau mengujudkan semangat baru dalam usaha penyelesaian-nya. Mithal-nya perlukah kita membuat tafsiran baru pada penganggoran atau kepada “employment” ia-itu pekerjaan, dengan sechara tidak langsung. Kerana dalam tiap2 kali kita membanchi, masalah penganggoran ini dan masalah pekerjaan ini di-beri tafsiran bahawa sa-nya, mereka yang makan gaji (kepada orang Melayu pula mereka yang

bekerja dengan Kerajaan dan mendapat gaji bulan2) ada-lah mereka yang mempunyai pekerjaan. Selain daripada itu mereka di-anggap menganggor. Ada-kah ini kenyataan yang sebenar-nya, manakala banyak pekerjaan2 yang di-buat sechara sendiri di-kampong-kampong, mithal-nya terutama sekali chuchok tanam, memotong getah, menanam padi, menchari rotan, menchari kayu menangkap ikan, menjaja (hawking) dan lain2 jarang sekali di-anggap sebagai satu pekerjaan. Bahkan orang2 ini selalu mensi-fatkan diri mereka sebagai penganggor.

Manakala jika di-bandingkan kepada hakikat-nya, sa-orang buroh yang bekerja dengan Kerajaan di-bawah IMG atau Industrial Manual Group yang mendapat gaji di-bawah Laporan Sufian \$135/- sa-bulan yang dudok di-pekan2, yang terpaksa menyewa rumah, membeli serba-serbi keperluan makan dan hidup-nya, boleh di-bandingkan keadaan hidup-nya dengan orang yang diam di-kampong berchuchok tanam sendiri mendapat pendapatan hitong panjang \$60/- yang selalu-nya lebeh menchukupi.

Maka masalaah penganggoran ini jika kita bandingkan dalam konteks ini bahawa sa-nya orang2 kampong dengan serba chukup, (sayor-nya daripada puchok2 ubi, kangkong, kelapa-nya tak payah di-beli), ada-lah hidup sataraf dengan orang yang berkerja di-bawah IMG yang mendapat \$135/- di-bandar. Ini sebagai satu mithal di-mana penafsiran sa-mula mengenai penganggoran perlu kita tinjau dalam Seminar ini.

Menghalusi lagi tajok demi tajok, saya ingin meninjau ber-sama2 Saudara bahawa sa-nya, tajok2 ini telah kita fikirkan dengan sahalus2-nya dan kita berpendapat bahawa tajok2 ini boleh di-gulongkan dalam satu kumpulan tajok besar yang khusus, "Penganggoran dan Pemuda", yang kita sengajakan supaya Seminar ini akan memberi kesan yang lebeh kepada peserta2 yang

akan dapat membawa dan menyalurkan segala pendapat-nya, segala pedoman-nya balek ka-kampong2 untok membangunkan negara dengan satu pandangan yang baru, satu perspective yang baru, supaya dapat memberi arti kapada kita yang selama ini hanya menerima segala bantuan dan nekmata Kerajaan dan kurang sekali kita memberi sumbangan yang betul2 bermaana.

Kemajuan Sechara Intensib

Maka sudah tiba masa-nya untok kita memberi, menyumbang dalam apa jua rupa kepada negara. Mungkin penyebaran penafsiran samula penganggoran ini kepada ra'ayat dapat membangunkan mereka daripada mimpi yang selama ini telah menggelapkan mata mereka terhadap kemungkinan2 dalam lapangan2 persendirian atau swasta. Tambahan lagi dalam pekerjaan2 Kerajaan, bidang untok kita meluas ada-lah terhad. Terhad kapada masa yang di-sharatkan oleh peratoran kerja dan undang2 (tidak boleh lebeh daripada 8 jam sa-hari dan juga over-time yang juga di-sekat), terhad dengan increment2 atau kenaikan2 gaji, terhad dengan kelulusan, terhad dengan kebebasan peratoran kerja dan sebagai-nya. Manakala jika di-bandingkan dalam lapangan persendirian atau swasta, yang dapat menghadkan mereka hanyalah kemahuan mereka, kemampuan tenaga mereka dan ikhtiar mereka. Mithal-nya kalau mereka memiliki 5 ekar tanah dan kalau mereka berusaha mahu membaikki diri sendiri, mereka akan dapat mempelajari teknik2 untok menambahkan pendapatan mereka dengan chara intensib dan tidak semesti dengan chara ekstensib sahaja, ia-itu di-mana hanya dengan bertambah luas-nya tanah mereka baharu-lah mereka dapat menambahkan pendapatan mereka. Ini tidak lagi satu perkara yang biasa berlaku, chontohnya ia-lah tanah sawah atau tanah bendang terutama bendang2 yang boleh di-tanam 2 kali sa-tahun.

Mithal-nya di-Sekinchan, Tanjong Karang, ia-itu sa-buah kawasan petempatan China, peladang2-nya memilikki sa-orang 3 ekar sawah, yang boleh di-tanam 2 kali sa-tahun dan pendapatannya hitong panjang di-Sekinchan oleh orang2 China ia-lah 1,000 gantang sa-ekar sakali tanam, dan 1,000 gantang itu bermaana mereka boleh berpendapatan daripada padi sahaja sa-kurang2-nya 6,000 gantang sa-tahun. Ini bermaana dengan harga padi yang di-jamin oleh FAMA \$16/- sa-pikul mereka boleh mendapat sebanyak lebeh kurang \$5,000 sa-tahun. Di-samping itu pula sementara menunggukan musim tanaman yang akan datang mereka menanam jagong, chilli dan sayoran2 apabila ayer sawah di-keringkan dan ini semua-nya ia-lah chara intensib yang mana peladang2 dapat menambahkan pendapatan mereka dengan usaha, dengan tenaga, dengan kemahuan dan dengan pengetahuan, tanpa memperluaskan kawasan-nya lebeh daripada 3 ekar itu juga. Tetapi sebak-nya di--kawasan2 Melayu di-tempat yang sama (saperti Sungai Lemau dan lebeh2 lagi Sawah Sempadan) pendapatan petani Melayu hanya hitong panjang 600 gantang sa-ekar sa-musim. Apabila ayer di-keringkan bendang terbiar tanpa di-tanam dengan tanaman2 selingan jangka pendek sebagai usaha menambahkan pendapatan.

Perubahan Nilai Sosial

Jadi ini dengan sendiri, bermaana peladang China yang mempunyai 3 ekar sawah itu lebeh lumayan hidup-nya daripada orang yang bekerja dengan Kerajaan di-bawah IMG, dapat gaji tetap sa-bulan \$135/- dengan keadaan hidup di-pekan serba berkehendakkan pembelian. Di-dalam arti kata yang lain bukan sahaja kita mesti memberi penafsiran yang baru kepada penganggoran bahkan nilian sa-mula dalam sikap hidup atau pun 'social values', perlu kita ubah hingga tiba masa-nya apabila kita memberi priorites, pandangan utama kepada Pak tani2 daripada orang2 yang suka bekerja dengan Kerajaan.

Bahawa sa-nya nilai2 ini telah pun menjadi norma, kebiasaan dalam negara2 yang lain. Di-negara barat banyak Pa' tani2 yang lulus BSc, Pa'tani yang lulus Kolej Pertanian, tetapi di-negara kita, sudah lulus LCE tidak layak lagi menjadi Pa' tani, bahkan kalau dia ada LCE dia berhak menjawat jawatan kerajaan biar pun posmen. Sebalek-nya dengan LCE itu mungkin dia boleh menjadi Pa' tani yang terpelajar dan dengan pelajaran-nya dapat menambahkan pendapatan-nya dan bertambah-lah lumayan hidup-nya.

Maka faktor2 ini-lah yang ingin kita tinjau dalam Seminar ini, dan Seminar ini akan di-bagi2kan kepada 4 buah bengkel yang akan di-pengerusikan oleh Ahli2 Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang di-harap akan membimbing saudara2 menchari rumusan2 yang akan di-bawa kembali ka-sidang pleno untuk di-rumuskan dan di-buat beberapa chadangan yang akan kita salorkan menerusi Majlis Kerja Tertinggi kepada Kerajaan untuk pandangan atau tindakan sewajar-nya.

Konsep Kritik Diri

Dari segi pensaharah Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah memilih tokoh2 yang kita fikirkan dapat memberi pandangan2 yang KRITIKAL TETAPI MEMBENA dalam menghadapi masalah ini. Prof: Dr. Ahmad Ibrahim ialah sa-orang ahli 'ilmiah yang banyak pengalaman dan yang mempunyai authority dalam hal undang2 Islam terutama sekali dalam masalah2 faraid yang kita sentiasa hadapi dalam pemecahan tanah orang2 Melayu. Kita harap Prof: Dr. Ahmad Ibrahim akan dapat menunjolkan masalah faraid ini dengan menekankan bukan samesti-nya pusaka itu di-nilai dengan tanah itu sendiri, bahkan nilai wang ada-lah mesti menjadi keutamaan untuk mengelakkan pemecahan2 tanah ini berlanjutan,

berleluasa sa-hingga tanah2 yang di-milekki, yang di-warithi oleh orang2 Melayu semua-nya tidak lagi ekonomik dalam masa chuma satu jenerasi, yang akhir-nya terbiar tidak di-kerjakan. Kerapkali berlaku orang2 ini dan penduduk2 tanah itu tidak dapat menyelesaikan pemechahan tanah mereka dan akhir-nya terus berpindah kepada ranchangan2 tanah yang baru saperti ranchangan LKTP dan sebagai-nya. Ranchangan2 ini pula akan membiakkan lagi semangat pemechahan tanah ini dan seterusnya meujudkan lagi "uneconomic holding". Pendek kata tanah lama orang2 Melayu banyak sangat mempunyai tuan tetapi tidak sa-orang pun daripada-nya yang "mempunyai" tanah itu. Dalam masalah ini kita harap, Prof: Dr. Ahmad Ibrahim, dapat memberi fatuah2 yang akan menguntongkan negara kita dari segi pemilekan tanah kerana kita tahu yang tanah ada-lah menjadi asas pembangunan ekonomi negara.

Satu lagi tokoh yang telah kita undang ia-lah Dr. Mahathir. Beliau telah di-minta membentangkan kertas kerja-nya bertajok "Kesan kejenteraan (otomasi) di-atas penganggoran" dalam Seminar ini dengan tujuan supaya beliau yang pernah menjadi anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan mungkin sebagai "orang dalam" (the inside man) yang mempunyai batasan, sekarang dapat mengkritik kita dengan lebeh keinsafan dengan pengertian kenyataan politik negara pada hari ini. Kita juga sedar tokoh ini memang telah banyak menimbulkan kegelisahan, telah banyak menimbulkan harapan dan kita harap dengan munchul-nya beliau dalam Seminar ini, beliau dapat memberikan rashia hati-nya, menchurahkan kemuskhilan dan harapan-nya khusus dalam tajok yang kita minta beliau ketengahkan.

Sebagai manusia biasa kita semua memang tidak sunyi daripada kesilapan dan mungkin orang2 yang telah membuat silap itu dapat menunjukkan kesilapan2 itu dengan lebeh berkesan untuk membawa kita ka-jalan yang benar, ka-jalan yang lebeh nyata, ka-jalan yang lebeh membena. Maka dengan ini-lah kita harap tokoh kontravesial, Dr. Mahathir, dapat menyumbangkan apa yang kita perlukan selama ini, ia-itu self-criticism atau pun peninjauan diri sendiri. Kita harap beliau akan dapat meninggalkan kesan ka-atas kita dalam lapangan yang begitu khusus sebagai tajok yang telah kita untokkan kepada beliau.

Lain2 tokok yang akan membentangkan kertas kerja mereka ia-lah Dr. Rais Saniman dan Sdr. Mokhzani, Dekan Fakulti Economics dan Pertadbiran. Kedua2 tokok ilmiah ini kita undang juga kerana pandangan dan pengetahuan beliau2 ini yang mendalam dalam tajok2 yang akan mereka bentangkan, dan mudah2an dapat memberi nafas2 baru dalam penyelesaian masalah kita, khusus dari segi politik kita.

Harapan Pemuda

Semua tokok2 ini kita perchaya dapat memberikan sub-bangan yang tidak kechil arti-nya kepada anggota Pergerakan Pemuda UMNO, kerana sudah tiba masa-nya saperti saya katakan, bagi kita betul2 mengenal masalah2 pokok yang kita hadapi sekarang dan dari semasa ka-semasa kita akan ketengahkan masalah2 ini dalam Seminar2 saperti yang kita anjorkan sekarang supaya kita dapat memechahkan masalah2 itu dalam men-chari penyelesaian yang sebaik2-nya untuk memberi kita panduan, untuk memberi kita hidayat, untuk memberi kita kemenangan pada akhir-nya.

Ini-lah harapan saya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan mudahan2 dengan hadzir-nya saudara2 dalam Seminar ini di-Seri Morib pada 25 hingga 27 Julai ini akan bertambah nyata mutalalamat yang kita tuju, dan Insha — Allah akan kita gagahi jua, akan kita tiba jua akhir-nya ka-tempat itu. Sekian —

Wasalam.

PEMUDA PELOPOR PEMBANGUNAN!

Seri Morib,
Julai 25, 1971.



